

Memupuk Keutamaan Budi dari Pancaran Iman

Manusia keturunan Adam yang melata di atas bumi ini terbahagi dua. Ada yang mulia dan ada pula yang hina, atau ada yang dipandang mulia dan setengahnya ada pula yang dipandang hina dan sengaja dihina-dinakan.

Seseorang yang dianggap “mulia” ataupun “hina” pada ghalibnya mempunyai beberapa segi pandangan orang-orang luar terhadap dirinya. Di antaranya “budi” atau akhlak, yang pada setiap waktu, nasib manusia ini ditentukannya. Bagi akhlak yang sempurna, mulialah dia, tetapi bagi mereka yang buruk akhlaknya sudah barang tentu hinalah martabatnya.

Muammad ‘Ali al-Hamd

Hina martabat menurut pandangan orang luar, dan mulia kedudukan menurut orang lain juga.

Berhubung dengan ini, perlu rasanya dijelaskan, bahawa anggapan “mulia dan hina” yang bersangkutan paut dengan nilai – budi adalah menurut kacamata Islam – kerana jika perkataan mulia dan hina di bawa ke gelanggang pergaulan hari-hari harus akan menimbulkan kekeliruan. Misalnya si anu dipandang mulia kerana berpangkat, kerana kaya. Sebaliknya fulan dipandang hina kerana miskin, pakaian bertampal seribu satu, atau kerana ia manusia yang buta huruf dan sebagainya.

Bukan ke sana maksud kita! Tetapi sasaran dari tulisan kita itu ialah sebagai kupasan bagi ayat suci, yang maksudnya: “Orang yang dianggap mulia di sisi Allah ialah orang yang takwa.” Ia dianggap mulia kerana kemahuannya betul-betul memancarkan perbuatan amal yang diperintahkan, sambil menjauhi segala tegah dan larangan agama. Begitu pula mereka yang tiada menunaikan perintah-perintah agama, disifatkan orang

yang hina, dan ditetapkan balasan buruk yang akan mereka terima, iaitu: Neraka.

Iman dan budi

Lebih lanjut dalam masalah itu akan timbulah pertanyaan:

Sampai ke manakah pengaruh iman atas budi seseorang? Pertanyaan ini jelas akan kita jawab, bahawasanya iman dan budi itu pengaruh-mempengaruhi. Iman itu sendiri menjadi punca tempat mengalirnaya keutamaan budi, walaupun budi itu kelak tidak sanggup memperbanyak perasaan iman.

Budi sebagai benda-benda iman. Budi ialah cermin daripada keimanan.

Seseorang Muslim yang beriman, sama dengan “Mukmin” yakni orang yang beriman dengan sebenar-benarnya. Kerana dia percaya kepada Tuhan lalu dikerjakannyalah semua suruh dan perintah agama. Ditunaikannya ibadat sembahyang, puasa,

zakat dan lain-lainnya. Dengan demikian ia bermakna telah melakukan perkara yang berfaedah untuk dirinya sendiri.

Perbuatannya yang tersebut itulah yang kita namakan budi, di mana gerak laku seseorang itu telah mengarah kepada ajaran-ajaran yang diwajibkan oleh agamanya. Sekali lagi, budi: ialah benda-benda yang terpancar daripada iman!

Apabila iman seseorang sudah kukuh sedemikian itu, tetaplah ia akan merasa takut melakukan maksiat dan larangan-arangan agama umumnya. Pada tingkat yang seperti ini, orang itu menjadi dari orang-orang yang takwa, iaitu golongan yang sangat-sangat takut kepada Allah, dan mereka inilah yang dipandang mulia di sisi Allah.

Jadi kedudukan takwa ini agak lebih tinggi setingkat daripada iman. Kalau iman hanya percaya dan percaya dengan mengerjakan semua suruh dan wajib, maka takwa lebih luas dari itu.

Bukan sahaja perintah wajib yang ditunaikan, tetapi juga segala larangan dijauhi.

Dengan lain perkataan, bahawa bagi mereka yang takwa ini selain imannya penuh kepada Allah, maka takutnya juga kepada Allah adalah menjadi pagar bagi dirinya dari segala macam noda maksiat.

Berhati-hati

Itulah maka seseorang yang takwa, lazimnya lebih berhati-hati dalam semua pekerjaan hidupnya, kerana ia takut akan dosa dan kemurkaan Allah yang Maha Kuasa. Tegasnya, seseorang yang beriman dan takwa dengan sebenar-benarnya adalah dipandang berbudi dan berakhlak

sempurna. Mengapa tidak? Kerana tingkah lakunya sentiasa diawasi oleh hukum-hukum agama.

Harus juga dari segi inilah kaum ateis (kaum yang tidak mengakui adanya Tuhan) memandang agama sebagai racun. Kepada mereka akan dijawab bahawa agama itu bukanlah racun! (Tetapi penawar yang menyembuhkan penyakit jiwa – P.).

Agama Islam ialah agama yang lengkap sempurna dengan peraturan-peraturan hidup dan juga mengenai urusan mati.

Agama Islam menggalakkan supaya mengejar dunia tetapi dengan meniti garis-garis peraturan yang tertentu. Selain daripada itu agama Islam memberi juga nasihat tentang

Adakah anak-anak tuan telah pandai membaca?

Jika belum, ajarlah dengan menggunakan buku:

Panduan

Membaca dan Menulis Jawi

Suatu cara mengenal huruf yang mudah sekali. Dicitak dengan dua warna. Belum ada buku untuk memandu membaca Jawi yang seumpamanya. Buku ini sangat molek dijadikan buku pelajaran membaca Jawi sebagai mengenal huruf. Tekniknya baik dan pertama-tama dibuat seumpamanya baik dalam buku-buku Melayu atau Arab untuk mengenal huruf-huruf jawi. Disusun oleh Cikgu Mahmud bin Ahmad seorang guru yang terkenal di seluruh Tanah Melayu.

Senaskhah hanya \$1.50 post 10 sen.

hal ehwal akhirat supaya dapat mencapai kedudukan mulia di sisi Ilahi.

Dengan ketegasan agama yang demikian seharusnya kita mengakui kenyataan iaitu: Bahawasanya Islam itu bersikap tegas terhadap apa jua pun. Sesuatu perbuatan yang samar-samar sangat ditentang oleh Islam kerana akibatnya mengelirukan dan menyesatkan.

Menegakkan Keutamaan Budi

Bila di atas tadi kita mengatakan soal “mulia” atau “hina” di sisi Allah hanya kerana tergantung pada ukuran sampai ke mana takwanya seseorang ataupun sebaliknya. Maka untuk mencapai darjat “mulia” itu seharusnya kita memperbanyak usaha ke jalan takwa.

Kepada golonganku, kepada kaum perempuan umumnya, inginlah kuperingatkan: Baharuilah kegiatan kita menuju arah takwa kepada Allah. Hal itu percayalah saudara-saudara dan ibu-ibu kaumku Muslimat, sangat mudah kalau hendak diusahakan. Pertama kerjakanlah segala perintah agama di satu bahagian, dan jauhilah segala larangan agama di lain bahagian.

Kalau kita sudah betul-betul menepati dua jalan yang tersebut, dengan sendirinya kita terjumlah kepada golongan yang takwa, dan Allah menjadikan kita mulia. Pada ketika itu dapatlah kita mencapai kedudukan sebagai manusia yang berbudi dan berakhlak sempurna. Sebab, segala tingkah laku kita sudah memancarkan fikiran yang bersendikan iman.

“Dampingkanlah dirimu kepada Islam, nescaya kamu akan dibawanya ke atas mahligai kebahagiaan, baik di dunia mahupun di akhirat.”

Demikian, ujar pujangga Iqbal dalam satu tulisannya yang bertajuk: “Agama Islam.”

Riwayat Hidup Ulama Islam

Sambungan dari muka 30

Segi Kelemahannya

Seperti kebanyakan manusia beliau pun mempunyai satu kelemahan. Kelemahan itu ialah tentang menyebarkan ilmu pengetahuannya. Bagi kebanyakan orang muda-muda yang telah sedar dengan sistem yang diajarkannya itu, maka jelaslah bahawa beliau kurang mempunyai daya penarik. Dan pergaulannya tidak begitu cergas. Beliau pun jarang-jarang benar mencampuri soal politik, tidak seperti sahabatnya Tuan Guru Haji Abdullah Tahir dan lain-lainnya. Kelemahan ini ialah disebabkan beliau datang semata-mata untuk Islam dari segi ibadat sahaja. Dan segala soal yang mengenai keduniaan, ditinggalkan dengan demikian sahaja. Inilah segi kelemahan beliau sebagai seorang guru yang tajam dan pintar akalunya!

Semoga dengan riwayatnya ini, kaum keluarganya yang ada di Sumatera dan sahabat-sahabat kenalannya di Tanah Melayu dan Indonesia, dengan melalui majalah Qalam yang cemerlang ini, akan mengetahui bahawa seorang anak Sumatera yang berjasa semasa hayatnya di luar tanah airnya telah meninggal dunia, telah dipanggil oleh Ilahi untuk mengadapnya, yang kemudian akan dipertimbangkan segala amal baik dan jahatnya. Sebesar zarah sahaja kebbaikannya akan dilihat-Nya, dan sebesar zarah sahaja kejahatan akan dilihat-Nya.

Mudah-mudahan Allah *‘azza wa jalla* menghimpunkan rohnyanya ke dalam himpunan roh-roh orang yang dikasihannya. Amin.

(Catitan S. Othman, Kelantan)